



FAQ
INDEKS
SYARIAH
M A L A Y S I A





Mesej YAB Perdana Menteri Malaysia



“Di Majlis Perdana Ulama’~ Umara’ pada 28 Ogos 2014, saya telah cetuskan satu idea, bagi Malaysia melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata ia adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia”.

Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak
sempena Majlis Perdana Ulama’~ Umara’ 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia
pada 10 Februari 2015
di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.



Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM



Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah dengan taufik dan inayahNya, risalah "FAQ Indeks Syariah Malaysia" yang merupakan kompilasi isu-isu dan penjelasan berkaitan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia ini telah berjaya diterbitkan sebagai bahan maklumat dan rujukan kepada seluruh masyarakat. Selaras dengan hasrat dan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara, maka YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2015 telah melakar satu dimensi baru dengan melancarkan Indeks Syariah Malaysia sebagai pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia. JAKIM selaku agensi penyelaras hal ehwal Islam di Malaysia telah diamanahkan untuk merealisasikan hasrat ini.

Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran yang saintifik dan menyeluruh bagi menentu ukur kedudukan Kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip Maqasid Syariah. Ia juga untuk menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

Saya berharap penerbitan risalah ini dapat memberikan maklumat dan penjelasan kepada seluruh masyarakat dalam memahami pendekatan Indeks Syariah Malaysia yang baru diperkenalkan ini. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

(DATU' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

FAQ

INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Apa itu Indeks Syariah Malaysia?

- ✿ Dalam dunia akademik dan penyelidikan, alat atau mekanisme untuk mengukur sesuatu pencapaian dipanggil indeks. Sebelum ini memang telah banyak indeks dihasilkan untuk mengukur pelbagai sektor dan aspek kehidupan.
- ✿ Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran saintifik bagi menentu ukur kedudukan Kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip Maqasid Syariah. Ia juga untuk menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam melaksanakan dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat, hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.

Apakah tujuan Indeks Syariah Malaysia diperkenalkan?

- ✿ Indeks Syariah Malaysia ini diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk:
 - Menilai keseriusan usaha Kerajaan dalam menepati piawaian Islam berkaitan dasar dan program Kerajaan yang dilaksanakan dari tahun ke tahun.


- Mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan supaya dapat menerima lebih banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai sejagat dalam Islam.
- Meningkatkan tahap patuh syariah pada setiap dasar dan program pentadbiran serta pembangunan negara.

Apakah kepentingan Indeks Syariah Malaysia?

 Kepentingan Indeks Syariah Malaysia ini dilihat dari aspek ia merupakan pelengkap kepada:

- Ketinggian syiar Islam di Malaysia.
- Kemajuan setiap sektor, bidang dan komponen yang membentuk sebuah negara yang maju dan progresif mengikut model/acuan Malaysia sendiri.
- Keharmonian dan perpaduan antara rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Apakah asas yang digunakan dalam pengukuran Indeks Syariah Malaysia?

 Pengukuran Indeks Syariah Malaysia disandarkan kepada satu asas yang telah digariskan oleh Islam iaitu berdasarkan penyempurnaan lima (5) Maqasid Syariah yang sangat dituntut pemeliharannya, iaitu:

- **Pemeliharaan agama**
 - Menjaga daripada berlaku fitnah terhadap agama, kesesatan dan mengikut hawa nafsu serta perkara-perkara yang merosakkan agama.

- **Pemeliharaan nyawa**
 - Memelihara hak kehidupan yang mulia, menjaga anggota dan kehormatan diri.
- **Pemeliharaan akal**
 - Memelihara akal manusia daripada kerosakan kerana akal yang rosak adalah punca bebanan dan kejahatan manusia.
- **Pemeliharaan keturunan**
 - Memelihara zuriat supaya dibesar dan dididik secara mulia dan terhormat.
- **Pemeliharaan harta**
 - Memperolehi dan memelihara harta benda dengan cara yang halal dan memberi faedah kepada semua tanpa kezaliman dan penganiayaan.



Apakah bidang yang dinilai dan dikaji oleh Indeks Syariah Malaysia?

- ☀️ Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia ini mencakupi lapan (8) bidang utama dengan input-input kajian seperti berikut:



- **Perundangan Islam**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah pemeliharaan kedudukan agama Islam dari segi pewujudan undang-undang yang menepati dan memelihara lima (5) Maqasid Syariah, pemerkasaan peranan institusi Raja dalam melindungi hak dan kedudukan Islam dan penetapan garis panduan yang patuh syariah pada setiap aspek Maqasid.

- **Politik**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah dari segi pengamalan gaya politik dan urus tadbir negara serta pendekatan politik pembangunan yang bersifat holistik.

- **Ekonomi**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah penetapan pelaksanaan aktiviti ekonomi negara berdasarkan kelestarian sejagat, keadilan dan kestabilan peluang ekonomi dan pemantapan sistem dan institusi kewangan Islam.

- **Pendidikan**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah penyediaan pendidikan Islam yang berterusan, pembentukan masyarakat Islam yang berilmu dan profesional dan penggiatan usaha menjadikan negara sebagai hab pendidikan yang bertaraf global.

- **Kesihatan**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah dari segi pengamalan perubatan yang patuh syariah, penjaminan kualiti dan keberkesanan proses dan pengukuhan berterusan sumber struktural dan manusia.

- **Budaya**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah dari segi pewujudan usaha pembudayaan nilai-nilai Islam dalam pelbagai bidang kebudayaan masyarakat pemerksaan peranan agensi-agensi agama dan institusi lain bagi menegakkan prinsip patuh syariah dan pewujudan usaha mengekang unsur dan nilai negatif dalam kesenian dan hiburan.

- **Prasarana dan Persekitaran**

- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah perancangan penyediaan prasarana yang menonjolkan imej Islam serta memberi kemudahan kepada rakyat dan penetapan polisi dan peraturan yang menjamin keselamatan dan pemeliharaan prasarana dan persekitaran, serta pengukuhan kesedaran cintakan alam sekitar.

- **Sosial**





- Antara input pengukuran dalam bidang ini adalah pewujudan persekitaran sosial yang kondusif, pemerksaan institusi perkahwinan dan keluarga, serta penyediaan diri umat Islam yang kukuh iman dan pegangan, dan pengagihan hak berdasarkan kontrak sosial.

Apakah beza antara Indeks Syariah Malaysia dan Indeks Pembangunan Manusia (HDI)?

- ☀ Indeks Syariah Malaysia adalah satu kaedah pengukuran yang saintifik dan menyeluruh bagi menentu ukur kedudukan Kerajaan dalam menjalankan pentadbiran negara berdasarkan prinsip asas Islam iaitu Maqasid Syariah. Lima (5) elemen utama dalam Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan kayu ukur utama yang akan digunakan untuk mengukur lapan (8) bidang utama pentadbiran negara iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.
- ☀ Manakala, Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*, HDI) ialah sebuah rumusan indeks komposit (indeks yang menggabungkan pelbagai petunjuk) yang mengukur pencapaian purata sesebuah negara dalam tiga (3) aspek asas kehidupan manusia, iaitu kehidupan yang panjang dan sihat, pencapaian pendidikan dan gaya hidup.
- ☀ Indeks ini dipersembahkan sebagai satu piawaian dalam mengukur pembangunan insan, yang dianggap oleh Rancangan Pembangunan PBB (UNDP) sebagai satu konsep atau proses melebarkan peluang seorang insan dengan memberikannya peluang pendidikan yang lebih cerah, penjagaan kesihatan, pendapatan, pekerjaan dan sebagainya.
- ☀ Kegunaan asas HDI ialah untuk menyusun negara-negara di dunia mengikut tahap "pembangunan insan", yang lazimnya digunakan untuk menentukan sama ada sesebuah negara itu ialah negara maju, negara membangun atau negara mundur.
- ☀ HDI menggabungkan tiga (3) aspek asas kehidupan manusia yang diukur melalui petunjuk-petunjuk tertentu seperti berikut:
 - Jangka hayat ketika kelahiran, sebagai ukuran kesihatan kelanjutan usia penduduk.

- Pengetahuan dan pendidikan, yang diukur melalui kadar celik huruf dewasa (dengan pemberat dua pertiga) dan gabungan kadar kemasukan kasar ke pengajian peringkat rendah, menengah dan tinggi (dengan pemberat satu pertiga).
- Gaya hidup yang diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita pada *parity* kuasa beli (PPP) dalam dolar Amerika Syarikat.

Bolehkah Indeks Syariah dilaksanakan dalam keadaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama?

-  Indeks Syariah Malaysia yang menggabungkan lima (5) elemen utama Maqasid Syariah dalam penjagaan kehidupan seseorang manusia adalah bersifat *universal*. Semua agama mementingkan pemeliharaan hak dan kehidupan setiap penganutnya.
-  Selama ini rakyat Malaysia hidup dalam keadaan sejahtera dan harmoni tanpa berlakunya pergaduhan dan peperangan antara kaum dan agama. Jika berlaku pergaduhan sekalipun, ia hanyalah salah faham yang kecil berbanding negara lain yang hidup mereka dalam ketakutan dan kebimbangan disebabkan wujudnya suasana yang tidak aman.
-  Keamanan, kemakmuran, keharmonian serta kestabilan yang wujud di Malaysia dan dinikmati oleh pelbagai kaum pada hari ini merupakan pelaksanaan dan penguatkuasaan prinsip Maqasid Syariah yang menjaga lima (5) perkara utama yang ditekankan iaitu penjagaan dari segi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
-  Oleh itu, semua pihak perlu bersikap positif bahawa hasrat murni Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Indeks Syariah ini adalah demi untuk menjaga kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Bagaimanakah kerangka kajian Indeks Syariah Malaysia dilaksanakan?

- ➊ Indeks Syariah Malaysia ini dirangka untuk menjadi kayu ukur dan penanda aras sejauh mana Kerajaan pada hari ini telah melaksanakan prinsip-prinsip syariah dalam pemerintahan, dan ia juga bertujuan untuk perancangan pada masa hadapan agar segala kekurangan dalam pelaksanaan pentadbiran Kerajaan yang ada pada hari ini dapat dipertingkatkan dan ditambah baik selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.
- ➋ Untuk setiap satu bidang, Indeks Syariah Malaysia akan mengukur dan menyemak sama ada dasar dan program yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan, menepati tahap penyempurnaan lima (5) aspek dalam tuntutan Maqasid Syariah; iaitu pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta.
- ➌ Sebagai contoh, apabila hendak dinilai sektor pendidikan, para penyelidik akan mengenal pasti aspek-aspek pendidikan yang ada dalam negara kita sama ada benar-benar memenuhi tuntutan syariah dalam menjaga lima (5) matlamat atau istilah syaraknya *Dharuriyah Al-Khamsah*.
- ➍ Ini bermakna, walaupun ada program-program yang tidak berlabel Islam tetapi memenuhi tuntutan syariat maka ia tetap dianggap memenuhi aspek Maqasid Syariah.
- ➎ Demikian juga dalam sektor ekonomi, pengukuran Indeks Syariah tidak hanya bersandarkan kepada institusi-institusi, dasar-dasar, program-program yang berlabel dan berjenama Islam seperti perbankan atau kewangan Islam.
- ➏ Aspek-aspek lain dalam pengurusan ekonomi yang juga memenuhi tuntutan prinsip dan aspirasi syarak seperti pembasmian kemiskinan ataupun kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan juga harus dilihat daripada neraca syariat. Ini kerana, pembasmian kemiskinan merupakan tuntutan syarak sehinggakan Nabi SAW sendiri menitikberatkan aspek menangani kemiskinan kerana menyifatkan kefakiran adalah dekat dengan kekufuran.

- Justeru, dalam usaha Kerajaan untuk mengimarahkan prinsip Maqasid Syariah dalam dasar Kerajaan, maka dasar yang tidak berlabelkan Islam tetapi menepati nilai Islam yang terkandung dalam Maqasid Syariah, maka ianya juga telah memenuhi kayu ukur Indeks Syariah Malaysia.

Bagaimanakah Indeks Syariah Malaysia dapat membantu mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan yang perlu difokuskan oleh Kerajaan supaya rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat hasil daripada penerapan nilai-nilai sejagat Islam seperti Maqasid Syariah ini?


- Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan Indeks Syariah ini berjalan dengan telus dan sistematik, Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang berfungsi sebagai badan untuk menilai tahap kesungguhan semua pihak yang terbabit dalam melaksanakan agenda Maqasid Syariah.
- Dari segi keanggotaan, jawatankuasa ini terdiri dari tokoh dan pakar dalam bidang dasar dan polisi, syariah, indeks dan ekonomi Islam. Jawatankuasa ini akan menilai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam setiap dasar dan program agar menepati piawaian Islam, serta mengenal pasti ruang-ruang pembaikan yang perlu diberi fokus oleh Kerajaan, agar rakyat dapat menerima lebih banyak manfaat hasil dari penerapan nilai-nilai sejagat dalam Islam.
- Pengukuran pencapaian indeks ini dilakukan ke atas tiga (3) komponen iaitu penggubal dasar (pemerintah), pelaksana dasar (agensi-agensi pelaksana) dan masyarakat awam keseluruhannya.

Apakah yang boleh kita dapati setelah mengetahui nilai Indeks Syariah untuk satu-satu bidang yang telah diukur?

- Nilai Indeks Syariah yang diperolehi dalam setiap bidang yang diukur akan memberi impak berikut:

- Memberi gambaran setakat mana tercapainya matlamat syariah dalam bidang terbabit.
- Mengetahui bahawa semakin tinggi nilai indeks bagi satu-satu bidang, semakin tinggi tahap patuh syariah dan kualiti pelaksanaan dasar serta program dalam sesuatu bidang.
- Memberi manfaat kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini dari segi ruang pembaikan yang akan dipertingkatkan dalam bidang terbabit.
- Menambahbaik dan sentiasa membudayakan sifat-sifat amanah, keadilan, kecekapan dan sifat-sifat mulia yang lain oleh Kerajaan, agensi-agensi, malah masyarakat itu sendiri.

Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan indeks ini berjalan dengan sistematik dan lebih efektif?

 Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan Indeks Syariah ini berjalan dengan sistematik dan efektif, antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

- Menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang dianggotai oleh tokoh dan pakar dalam bidang dasar dan polisi, syariah dan perundangan, indeks serta ekonomi Islam untuk berfungsi sebagai badan pemantau Indeks Syariah ini secara sepenuh masa. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menilai tahap kesungguhan semua pihak yang terbabit dalam menjayakan agenda pelaksanaan Maqasid Syariah.
- Melaksanakan program-program pencerahan dan penerangan mengenai Indeks Syariah dari masa ke masa supaya masyarakat dapat memahami dan tidak dipengaruhi dengan persepsi yang kurang tepat.

- Meneruskan kajian untuk menilai persepsi masyarakat serta tahap kepuasan mereka terhadap darjah patuh syariah dalam dasar dan program pihak Kerajaan supaya masyarakat lebih berpengetahuan tentang keseriusan usaha Kerajaan dalam mencapai matlamat Maqasid Syariah.
- Mengadakan secara berterusan program-program penjaanaan idea bersama pelbagai pemegang taruh (*stakeholder*) supaya usaha untuk mencapai tahap penyempurnaan lima (5) elemen Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara akan terus dibudayakan oleh semua pihak di negara ini.

Adakah penggunaan Indeks Syariah Malaysia yang diperkenalkan ini mampu mengukuhkan tadbir urus Islam di Malaysia?

- ☀ Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia yang merangkumi lapan (8) sektor utama dalam pengurusan dan pentadbiran negara akan mengukuhkan lagi tadbir urus Islam di Malaysia melalui penyempurnaan lima (5) prinsip Maqasid Syariah. Kerajaan juga dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan sedia ada, seterusnya memulakan langkah-langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Mengapakah Indeks Syariah Malaysia menggunakan kesejahteraan untuk mengukur tahap keseriusan Kerajaan dalam melaksanakan prinsip-prinsip kesejagatan Islam?

- ☀ Maqasid Syariah yang berasaskan ketauhidan (keesaan Tuhan), menggariskan asas tatanegara Islam yang merangkumi semua makna dan objektif syariah dalam mencapai kejayaan (الفلاح). Kejayaan tersebut digambarkan menerusi pencapaian kesejahteraan masyarakat manusia yang dipupuk dan dilindungi oleh pemeliharaan yang menyeluruh daripada lima (5) keperluan dalam kehidupan manusia iaitu; agama (الدين), nyawa (النفوس), akal (العقل), keturunan (النسل), dan harta (المال).

- ☀ Berdasarkan justifikasi inilah Indeks Syariah Malaysia menggunakan kesejahteraan sebagai ukuran tahap kesungguhan Kerajaan dalam melaksanakan prinsip-prinsip Islam.

Adakah Indeks Syariah Malaysia hanya mengukur lapan (8) bidang ini sahaja tanpa diperhalusi kepada bidang-bidang yang lain?

- ☀ Tidak. Sudah tentu ia akan diperhalusi dan dimantapkan dari semasa ke semasa. Dalam peralihan tempoh yang sesuai, jumlah bidang yang diukur akan ditambah, setiap aspek yang disemak akan diperincikan, kategori mereka yang memberi respons juga akan dipelbagaikan dan skop agensi serta dasar yang dinilai akan diperluaskan.

Mengapakah baru sekarang Indeks Syariah ini diperkenal dan ingin dilaksanakan?

- ☀ Maqasid Syariah sememangnya sudah diaplikasikan sebagai teras dalam pembangunan dan pemerintahan di Malaysia selama ini, hanya ianya belum pernah diukur pada satu tahap yang sebenar. Kerajaan sentiasa beristiqamah dalam memastikan setiap usaha dan dasar yang Kerajaan laksanakan adalah berpaksikan Maqasid Syariah.
- ☀ Namun, sebagai satu inisiatif bertaraf perintis, Kerajaan menubuhkan Indeks Syariah Malaysia supaya menjadi pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia yang menyeluruh lagi komprehensif.
- ☀ Oleh itu, pembinaan dan penubuhan Indeks Syariah Malaysia adalah untuk menjelaskan salah faham dan tanggapan segelintir rakyat Malaysia yang mengatakan bahawa sistem pentadbiran negara selama ini tidak mengikut prinsip-prinsip Islam.
- ☀ Penubuhan indeks ini juga diharap dapat menjelaskan bahawa Malaysia berada di landasan yang sepatutnya dan serius dalam melaksanakan prinsip syariah dalam pentadbiran negara untuk kesejahteraan rakyatnya.

Mengapakah Indeks Syariah ini diketengahkan sedangkan ada sesetengah pihak mendakwa Malaysia bukan Negara Islam kerana belum melaksanakan hudud?

- ☀ Indeks Syariah Malaysia ini diketengahkan bagi membuktikan bahawa Kerajaan hari ini telahpun berada di atas landasan syariah, dan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh ke arah mencapai yang terbaik dalam melaksanakan ajaran dan prinsip Islam.

Negara manakah yang menjadi penanda aras kepada pengukuran Indeks Syariah Malaysia?

- ☀ Setakat ini, pengukuran Indeks Syariah yang dibuat di Malaysia merupakan yang pertama dan belum pernah dibuat oleh mana-mana negara luar. Justeru, belum ada negara yang boleh dijadikan penanda aras (*benchmark*).
- ☀ Namun begitu, memandangkan Indeks Syariah ini adalah satu usaha rintis, maka beberapa negara terpilih iaitu Indonesia, Pakistan, Turki dan Maghribi telah dijadikan asas perbandingan atau penanda arasan khususnya dari segi amalan terbaik (*best practice*) bagi tujuan penambahbaikan proses pengukuran Indeks Syariah di Malaysia.

Adakah pihak Kerajaan telah membuat lawatan kajian Indeks Syariah di negara-negara lain untuk dijadikan contoh dan penanda aras?

- ☀ Panel Teknikal Indeks Syariah Malaysia telah mengadakan lawatan penanda arasan ke empat (4) buah negara Islam seperti Indonesia, Pakistan, Turki dan Maghribi. Negara-negara ini melaksanakan beberapa kaedah tersendiri dalam mengukur tahap patuh syariah dalam bidang-bidang terpilih.
- ☀ Sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni, maka inisiatif Malaysia untuk mewujudkan Model Indeks Syariah Malaysia diharap dapat dibangunkan dengan sebaiknya. Ini kerana usaha-usaha mengimarahkan

Islam di Malaysia tidak menghadapi apa-apa halangan sebagaimana yang sebaliknya berlaku di negara-negara Islam yang lain.

- Usaha Kerajaan Malaysia ini sangat dialu-alukan oleh negara Islam lain kerana melihat pendekatan yang dilakukan oleh Kerajaan yang bersifat syumul (komprehensif) dan terdapat penekanan elemen tadbir urus yang baik.

Bagaimanakah Indeks Syariah Malaysia ini dapat membantu orang bukan Islam untuk lebih memahami Islam?

- Indeks Syariah Malaysia ini akan memberi manfaat kepada semua golongan dan lapisan masyarakat di negara ini berdasarkan pelaksanaan lima (5) Maqasid Syariah. Sebagai contoh, dengan membina kemudahan hospital bagi merawat pesakit, ia memenuhi aspek pemeliharaan nyawa. Manakala, dengan menyediakan institusi pendidikan pelbagai peringkat, ia memenuhi aspek pemeliharaan akal. Maqasid Syariah ini akan menyerlahkan kejayaan Islam kepada seluruh umat manusia tanpa mengira batas agama.

- Antara faedah lain yang boleh diperolehi ialah:

- Menunjukkan pentadbiran yang berlandaskan Islam dapat menjamin kesejahteraan dan kemakmuran hidup kepada masyarakat sama ada Islam atau bukan Islam.
- Menunjukkan bahawa Islam sangat mengambil berat kedudukan agama dan kaum atau bangsa lain dalam sebuah negara yang berprinsipkan landasan syariah.
- Menunjukkan bahawa masyarakat Islam dan bukan Islam hidup dalam keadaan yang aman dan mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain.
- Menunjukkan Islam berlaku adil sama ada terhadap orang Islam mahupun bukan Islam, di mana orang bukan Islam juga dipilih

untuk menerajui tampuk pemerintahan bersama pemimpin yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

- Menunjukkan bahawa Islam tidak melarang kaum lain mengamalkan agamanya di Malaysia.

Sejauh manakah Indeks Syariah Malaysia diharapkan keberkesannya kepada masyarakat dan negara?

Indeks Syariah Malaysia ini jika dilaksanakan dengan penuh ketelusan dan kecekapan berdasarkan prinsip Maqasid Syariah, maka isu tanggapan buruk, kekeliruan serta fobia terhadap Islam dapat dimurni dan diperbetulkan sekaligus dapat mencapai objektif serta tujuan penubuhannya.

Bilakah Indeks Syariah Malaysia ini akan memulakan pengukurannya?

Kerangka kajian Indeks Syariah Malaysia telahpun siap dan sebahagian kerja sudahpun dimulakan. Namun, banyak lagi program dan dasar Kerajaan yang perlu dinilai sejauh mana memenuhi aspek Maqasid Syariah. Kita perlu sedar bahawa tahap kesempurnaan itu tiada penghujungnya. Oleh sebab itu, kita perlu berlapang dada dalam mencari ruang pembaikan yang boleh diberi fokus oleh pihak Kerajaan.

Adakah kandungan pengukuran Indeks Syariah ini dibuat berdasarkan pandangan agensi atau orang perseorangan yang dipertanggungjawabkan sahaja?

Pengukuran Indeks Syariah bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya sahaja, sebaliknya ia melibatkan banyak pihak termasuklah perbincangan pakar-pakar dari pelbagai bidang untuk sama-sama menyumbang ke arah menjadikan pengukuran Indeks Syariah Malaysia ini benar-benar menepati matlamat sebenar pengukuran dibuat.

Adakah pengukuran dibuat secara adil iaitu melibatkan semua peringkat masyarakat?

- Ya. Pengukuran yang dibuat melibatkan semua peringkat bermula dari peringkat tertinggi iaitu pihak pemerintah, agensi pelaksana dan masyarakat yang membabitkan pelbagai fahaman politik dan latar belakang sosioekonomi dalam kalangan masyarakat Islam.

Adakah rakyat dapat mengetahui hasil kajian Indeks Syariah Malaysia ini?

- Semestinya rakyat dapat mengetahui hasil kajian Indeks Syariah yang telah dilakukan. Kerajaan akan membentangkan kepada rakyat satu laporan penuh Indeks Syariah Malaysia setelah kajian selesai dilakukan sepenuhnya.

Adakah Indeks Syariah Malaysia ini akan dilaksanakan secara berterusan dan bukan bersifat bermusim?


- Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan dalam usaha mengukur dan menilai tahap keseriusan usaha Kerajaan dalam mencapai Maqasid Syariah merupakan usaha berterusan Kerajaan dan bukan bersifat bermusim dan bukan untuk mengaburi mata mana-mana pihak. Ia adalah ukuran komitmen negara dalam menyuburkan dan memajukan Islam yang bersifat sejagat, dan sebagai satu kaedah untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam dasar serta program yang dilaksanakan Kerajaan.

Adakah Indeks Syariah Malaysia ini juga akan mengukur tahap komitmen negara dalam menjalankan transaksi ekonomi yang patuh syariah?

- Antara sektor atau bidang yang akan diukur dalam Indeks Syariah Malaysia ini ialah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan


dalam bidang ekonomi. Pemantapan sistem dan institusi kewangan Islam merupakan salah satu input yang akan diukur dalam pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia ini.


Apakah perbezaan Indeks Syariah dengan pengurusan kewangan patuh syariah seperti saham dan pelaburan?

 Perbezaan Indeks Syariah dengan pengurusan kewangan Patuh syariah ialah:

- Indeks Syariah Malaysia mengukur bidang kesejahteraan dengan menggunakan Maqasid Syariah. Indeks ini akan menilai tahap keseriusan, komitmen dan usaha Kerajaan untuk melindungi, menyubur dan memajukan Islam.
- Manakala, pengurusan kewangan patuh syariah pula adalah penilaian prestasi patuh syariah oleh institusi atau agensi berkaitan berdasarkan manual atau *standard* prosedur patuh syariah yang berkuatkuasa.

Apakah faedah yang akan diperolehi oleh Malaysia dengan mengadakan Indeks Syariah?

 Pengiktirafan yang diberikan kepada Malaysia melalui natijah Indeks Syariah ini akan memperlihatkan kehebatan prinsip serta peranan Islam dalam pentadbiran sesebuah negara sekiranya ia dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Ia secara tidak langsung dapat dijadikan panduan bagi negara lain untuk membuat perkara yang sama, iaitu kembali semula kepada landasan Islam.

 Malaysia akan dijadikan penanda aras (*benchmark*) oleh negara-negara lain khususnya negara-negara Islam dalam pengukuran Indeks Syariah agar ia boleh diimplementasikan di negara mereka.



**JAWATANKUASA TADBIR URUS
INDEKS SYARIAH MALAYSIA**





جَابَتَانِ كَمَا جَوَانَ اِسْلَامِ مَالِيسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BLOK D7 & D9, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62519 PUTRAJAYA.

www.islam.gov.my

EDARAN PERCUMA